

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK]**

NO. SOALAN : 12

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan pendapatan ke atas usahawan-usahawan atau bakal-bakal usahawan terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menjana ekonomi luar bandar, KKLW telah memperkenalkan Program *Rural Business Challenge* (RBC) dan Program Desa Lestari di bawah *Government Transformation Plan* (GTP) 2.0. RBC merupakan penganjuran pertandingan penyediaan rancangan perniagaan di kalangan belia Malaysia manakala Desa Lestari adalah pelaksanaan projek-projek ekonomi di kampung yang terpilih melalui koperasi sebagai penggerak (*cooperative driven*).

Kedua-dua program ini diberi kemudahan geran Kerajaan bagi melaksanakan projek perniagaan dan inisiatif ekonomi yang meliputi sektor pembuatan, pelancongan, perkhidmatan dan pertanian supaya dapat meningkatkan pendapatan dan mencipta peluang pekerjaan.

Selain itu, KKLW juga menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan dikenali sebagai Skim Pinjaman Ekonomi Desa (SPED) yang menawarkan skim pembiayaan tanpa cagaran dengan kadar bayaran balik yang rendah kepada usahawan di luar bandar untuk tujuan pembelian mesin/peralatan, modal kerja dan pengubahsuaian atau naik taraf premis.